

09 APR 1998

Law-JAS

PEMBAKARAN TERBUKA: LAPORKAN AGENSI KERAJAAN YANG MELAKUKANNYA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diarahkan untuk melaporkan kepada Kabinet sebarang agensi kerajaan yang tidak bekerjasama untuk membanteras pembakaran terbuka.

Arahan itu telah dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet semalam, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata arahan itu dibuat berikutan meningkatnya pembakaran terbuka terutamanya di ibu kota.

"Semalam sahaja, pegawai JAS yang menggunakan helikopter telah melihat tidak kurang daripada 20 pembakaran terbuka, gambar-gambar kebakaran itu telah diambil dan akan ditunjukkan kepada Kabinet," katanya selepas merasmikan seminar berkaitan "Pengurusan Alam Sekitar dan Komplians Dengan Sektor Pembuatan" di Hotel Hyatt Regency Saujana, Subang, dekat sini.

Law berkata polis dan Angkatan Tentera Diraja Malaysia telah menawarkan penggunaan pesawat udara mereka "tetapi kita akan membuat mereka yang bersalah membayar kos operasi yang dilakukan."

Menurut Law, Kabinet juga telah mengarahkan agensi kerajaan yang berkaitan untuk mengembleng unit-unit yang berkaitan untuk membanteras pembakaran terbuka.

Law berkata usaha akan diteruskan untuk mendidik industri kecil dan sederhana (IKS) berkaitan isu-isu alam sekitar.

Dalam ucapannya, Law berkata IKS nampaknya "menyalahgunakan" alam sekitar lebih daripada industri besar berikutan beberapa kekangan, seperti pelaburan modal yang rendah, kekurangan kemahiran dan struktur pengurusan yang tidak mantap.

Beliau berkata statistik menunjukkan kebanyakan rungutan berkaitan alam sekitar adalah berkaitan IKS, tetapi beliau tidak memberi maklumat lanjut.

Seminar sehari itu yang dianjurkan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) telah dihadiri oleh 66 pegawai kanan dari pelbagai syarikat di Lembah Klang.--BERNAMA

RA RI